

# INTEGRITI



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

ISSN : 0128-2727

Memartabatkan **INTEGRITI** sebagai **BUDAYA** dalam JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

IKRAR B

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

(Jiramaat)  
Dewan 20 (Putrajaya)

## IKRAR BEBAS RASUAH

9 FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI SIRI 1/2017 ZON UTARA

19 MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI (KSI) BIL. 2 TAHUN 2017



▶ ANALISA TATATERTIB

▶ PELAN INTEGRITI NASIONAL

"CEPAT DAN MESRA"



# KANDUNGAN

## BULETIN INTEGRITI

- 3 TINTA KETUA EDITOR
- 4 PELANCARAN SAHABAT GERAH SPRM
- 5 MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH



- 7 MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PELAN INTEGRITI BOMBA
- 8 MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS JBPM
- 9 FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ZON TENGAH

- 11 FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ZON BORNEO
- 13 FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ZON SELATAN
- 15 FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ZON TIMUR
- 17 *EXECUTIVE TALK* - INTEGRITI DALAM MENANGANI ISU-ISU SEMASA DALAM NEGARA
- 18 MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI (KSI) BIL 1/2017
- 19 NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB (NPITT)
- 20 BENGKEL TATACARA RISIKAN DAN SIASATAN
- 21 ANALISA TATATERTIB
- 22 TAHUKAH ANDA F&Q - KETIDAKHADIRAN BERTUGAS
- 23 TAHUKAH ANDA - PELAN INTEGRITI NASIONAL



Unit Integriti,  
Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,  
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya  
Telefon : 03 - 8892 7600  
Faks : 03 - 8888 0829  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-Mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)



# Tinta KETUA EDITOR

## S I D A N G EDITORIAL

Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh,  
Salam Negaraku Malaysia,  
Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra, dan dan Salam Integriti

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi di atas limpah rahmatNya dan kurniaNya maka dapatlah sekali lagi Unit Integriti menerbitkan Buletin Integriti Edisi Kedua bagi Tahun 2017.

Usaha memartabatkan integriti dalam diri perlulah diteruskan dan dipergiatkan. Melalui Buletin Integriti ini ia di harap akan dapat menyemarakkan semangat semua warga Jabatan dalam memperkasakan integriti di dalam diri pegawai. Dalam konteks ini jabatan melihat ada dua kaedah untuk memperkasakan integriti pegawai bomba. Pertama adalah melalui kaedah penguatkuasaan peraturan dan kedua menggunakan pendekatan mewujudkan kesedaran dalam diri pegawai.

Dari segi penguatkuasaan peraturan, Unit Integriti sentiasa mengadakan pemeriksaan mengejut di balai-balai dalam menentukan bahawa peraturan-peraturan dipatuhi secara menyeluruh. Program kesedaran dan pengukuhan akan terus diadakan seperti Forum, bengkel, kursus dan sebagainya dalam menentukan bahawa peringatan ini dapat mengelakkan isu-isu pecah amanah, penyelewengan, rasuah dan salahgunakuasa. Jabatan juga akan menggunakan pendekatan melalui sentuhan psikologi dan rohani agar pengamalan isu integriti ini akan dapat menjadi budaya dalam jabatan. Pegawai juga harus sedar bahawa seseorang pegawai yang tidak berintegriti merupakan perbuatan yang mengkhianati agama, bangsa dan negara.

Bak kata bidalan :-  
Tidak ada kusut yang tidak selesai,  
Tidak ada keruh yang tidak jernih.

Semarakan lagi nilai integriti dalam diri kita untuk membentuk masyarakat yang lebih berintegriti.

Sekian, terima kasih

**NORIZAN SULAIMAN**  
Ketua Unit Integriti, JBPM

### **Penaung**

YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor Bin Hj. Ibrahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### **Penasihat**

YAS Dato' Hj. Soiman Bin Jahid  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj. Amer Bin Hj. Yusof  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### **Ketua Editor**

PPJB Norizan Bin Hj. Sulaiman  
Ketua Unit Integriti

### **Editor**

PgKB I Ismail Bin Yasin  
Encik Mohd Faruqi Bin Badron  
PgKB II Aswadi Bin Hj. Ismail

### **Penulis**

PgKB II Abdul Malik Bin Zainuddin  
PKPgB Mohd Azuan Bin Abu Hassan  
Puan Shahrinas Binti Abd Malek  
Puan Norezan Binti Idris  
Encik Ahmad Hakimi bin Mohd Noor

### **Jurugambar**

Encik Patrick Jelai Jali

### **Penerbit**

Unit Integriti  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

“Bulat air kerana pembentung,  
bulat manusia kerana muafakat”



**1 OGOS 2017 (Selasa)** Majlis Pelancaran Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah GERAH telah diadakan di Hotel Ansa Kuala Lumpur. Seramai 7 orang pegawai dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia hadir dalam majlis tersebut yang diketuai oleh PPjB Norizan bin Hj Sulaiman (Ketua Unit Integriti), PPjB Abu Obaidat bin Mohamad Saithalimat (Timbalan Pengarah JBPM Kuala Lumpur) serta beberapa orang pegawai kanan Jabatan.

Gerakan Revolusi Anti Rasuah merupakan gerakan yang dipelopori Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli bin Ahmad telah dilancarkan pada 8 Mei 2017 yang lalu. Gerakan ini menjadi pemangkin gelombang perubahan kepada masyarakat untuk membenci dan memandang jijik terhadap rasuah dan salahguna kuasa.

Pelancaran Sahabat GERAH pada 1 Ogos 2017 adalah bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk sama-sama terlibat dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah. Sahabat GERAH SPRM juga menjadi medium penghubung antara SPRM dan masyarakat, yang seterusnya menggalakkan interaksi kedua-dua pihak.



**Ketua Pesuruhjaya SPRM menyerahkan simbolik kad keahlian SAHABAT GERAH SPRM**



**Gimik Pelancaran Sahabat GERAH SPRM yang telah disempurnakan**



**Wakil-Wakil Jabatan yang hadir bergambar**



YAS Dato' Sri Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang disaksikan oleh YBhg Dato' Abdul Samat bin Kasah



YS PgKB I Hilman bin Rashid menunjukkan borang Pendaftaran Sahabat GERAH/SPRM bersama-sama pegawai SPRM



Pegawai Kanan JBPM bersama-sama melafazkan Ikrar Bebas Rasuah



Ketua Pengarah JBPM, Dato' Sri Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim mengetuai bacaan ikrar IBR



Kaunter Pendaftaran Sahabat GERAH/SPRM juga dibuka semasa Majlis Perhimpunan Bulanan dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah

*Majlis*

# IKRAR BEBAS RASUAH



YBhg Dato' Abdul Samat bin Kasah Wakil Ketua Pesuruhjaya (SPRM) menyampaikan ucapan

27 Oktober 2017 (Jumaat) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melafazkan dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi memastikan pegawai dan kakitangannya tidak mengambil, menyokong tindakan rasuah atau salah guna kuasa. YAS Dato' Sri Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim telah mengetuai dalam melafazkan Ikrar Bebas Rasuah yang telah disaksikan oleh Dato' Hj Abdul Samat bin Kasah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS).

Ikrar Bebas Rasuah ini telah diadakan bersempena dengan Majlis Perhimpunan Bulanan yang dihoskan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran. Majlis telah dihadiri oleh semua Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian dan Pengarah Bahagian serta pegawai dan kakitangan termasuklah JBPM Putrajaya.

IBR adalah inisiatif yang diperkenalkan SPRM hasil cetusan idea Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli bin Ahmad. Ia memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan mereka lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama memegang jawatan itu.

Objektif program IBR adalah untuk:

- 1. Menjadi peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah
- 2. Jaminan pimpinan organisasi kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah
- 3. Komitmen individu dalam pembanterasan rasuah.
- 4. Bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah



**Ikhar ini akan membuatkan seseorang individu lebih bertanggungjawab kerana mereka kini di bawah tumpuan SPRM, sekiranya mereka tidak berikhar sudah tentu mereka anggap rasuah ini sebagai satu perkara yang remeh**  
**- Ketua Pengarah JBPM**

Pegawai Kanan JBPM bersama-sama melafazkan Ikhar Bebas Rasuah



Pegawai dan kakitangan JBPM bersama-sama melafazkan Ikhar Bebas Rasuah



YAS Dato Sri Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim menyerahkan Ikhar Bebas Rasuah yang telah ditandatangani kepada YBhg Dato' Abdul Samat bin Iqasah



Jemputan yang hadir pada Majlis Ikhar Bebas Rasuah JBPM

YAS Dato' Hj Soiman bin Hj Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) mempengerusikan mesyuarat.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PELAN INTEGRITI BOMBA BIL 1/2017

**1 November 2017 (Rabu)** – Pemantapan Integriti dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan program yang dilaksanakan secara berterusan. Pelaksanaan Pelan Integriti Bomba 2016-2018 merupakan salah satu elemen yang dapat meningkatkan lagi Integriti di kalangan Warga Jabatan. Sehubungan itu dalam memastikan pelaksanaannya teratur dan berkesan satu Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba telah diadakan yang dipengerusikan oleh YAS Dato' Hj Soiman bin Hj Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan dihadiri oleh Penolong Ketua Pengarah Bahagian serta wakil Bahagian.

Mesyuarat tersebut merupakan kesinambungan Jabatan dalam menilai kembali pelaksanaan Pelan Integriti di peringkat Bahagian di Ibu Pejabat dan di Negeri-Negeri termasuklah Zon dan Balai. Di dalam mesyuarat tersebut juga turut membincangkan hala tuju pelan ini dalam memastikan perancangan yang ditetapkan dapat dilaksanakan mengikut objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan Pelan Integriti Bomba 2016-2018 adalah secara bersama antara semua bahagian, JBPM Negeri, Zon dan Balai. Dengan kerjasama dan komitmen yang jitu semua pihak yang terlibat maka segala perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Semua Ahli Mesyuarat yang hadir dalam mesyuarat memberi komitmen yang padu

# MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)



**Pada 6 November 2017** bertempat di Bilik Tanjung, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Bilangan 3 Tahun 2017. Mesyuarat ini diadakan tiga kali setahun selaras dengan peraturan di bawah Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014. YS PKPjB Edwin Galan Teruki telah bertindak sebagai pengerusi gantian untuk menggantikan YAS Dato' Sri Ketua Pengarah yang perlu menghadiri tugas luar.

Terdapat 6 terma rujukan yang dibawa dalam mesyuarat ini iaitu dasar dan perundangan, sistem dan prosedur perkhidmatan, tindakan pengesanan, punitif dan pemulihan, pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika, pengurusan pelanggan, membina permuafakatan dengan pihak berkepentingan.

Unit Integriti selaku urusetia Mesyuarat JITU di peringkat jabatan telah membawa isu-isu dari JBPM Negeri dan Bahagian-bahagian untuk dibincangkan dan diselesaikan di peringkat Ibu Pejabat.





## FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI SIRI 1/2017 ZON TENGAH

31 Julai 2017 bertempat di Dewan Auditorium Perak FM telah berlangsungnya Forum Pemerksaan Integriti Siri 1/2017 Zon Utara dimana JBPM Negeri Perak telah dipilih untuk menjadi tuan rumah.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 350 orang peserta yang terdiri daripada wakil jabatan selain agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Malaysia, Pihak Berkuatkuasa Tempatan dan pelbagai agensi kerajaan yang lain.

Dalam program ini, buat pertama kalinya YBrs. Tuan Haji Saiful Azizi Bin Haji Abdul Manap, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak telah dipilih untuk menjadi moderator bagi forum yang dianjurkan. Panel yang dipilih untuk program ini ialah YBrs. Prof. Madya Sr. Dr. Md. Yusof Hamid, Rektor Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak; YBhg. Sahibus Samahah Tuan Haji

Zamri Bin Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak dan YBhg. Dato' Abdul Samat Bin Kasah, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (Penmas), SPRM.

Antara isu hangat yang dibentangkan oleh panel adalah berkenaan pendedahan beberapa kes-kes salahlaku dan salahguna kuasa yang berprofil tinggi melibatkan penjawat awam. Pendedahan yang dibuat panel daripada SPRM adalah bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua agensi penguatkuasaan yang hadir bahawa pihak SPRM tidak pernah "memilih bulu" untuk melakukan penyiasatan terhadap kes yang dilaporkan. Pendekatan kerohanian juga digunakan oleh YBrs. Tuan Haji Saiful Azizi Bin Haji Abdul Manap dalam pembentangannya untuk menanamkan sikap



Lafaz Ikrar Integriti yang diketuai oleh Penguasa Kanan Bomba I Syed Azman bin Syed Ghazali



benci rasuah kepada peserta melalui petikan hadis dan kisah-kisah Rasullulah SAW untuk dijadikan tauladan dan pengajaran.

Dalam program tersebut, para peserta program telah melafazkan Ikrar Integriti yang diketuai oleh Penguasa Kanan Bomba I Syed Azman bin Syed Ghazali, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Negeri Perak. Lafaz Ikrar ini merupakan satu tekad yang ditanamkan kepada semua peserta untuk menjauhi amalan rasuah.

Antara pegawai kanan Jabatan yang hadir dalam program ini ialah YS Dato' Hj. Yahya bin Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, YS PKPj Azmi bin Osman, Pengarah JBPM Negeri Selangor, YS PgKB I Md Hilman bin Abd Rashid, Pengarah JBPM Putrajaya selain ketua-ketua bahagian daripada pelbagai agensi.

Majlis Penutup Forum Pemeraksanaan Integriti Siri 2/2017 Zon Borneo telah di sempurnakan oleh YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama YBhg. Dato' Abdul Samat Bin Kasah yang mewakili Ketua Pengarah SPRM.



**“Perkhidmatan Awam yang cekap, telus dan berintegriti adalah dituntut oleh rakyat dalam melaksanakan amanah yang diberikan dengan adil dan berkhemah.**

**Jabatan yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang unggul serta utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur adalah usaha yang berterusan.**”





# FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI SIRI 2/2017 ZON BORNEO

**24 Ogos 2017** bertempat di Auditorium INTAN Kampus Wilayah Sarawak telah berlangsungnya Forum Pemerkasaan Integriti Siri 2/2017 Zon Borneo yang di anjurkan oleh JBPM Negeri Sarawak sebagai wakil host jabatan.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 291 orang peserta yang terdiri daripada wakil jabatan selain agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Negeri Sarawak

Sarawak merupakan tuan rumah kali kedua untuk program Forum Pemerkasaan Integriti yang telah dianjurkan dengan kerjasama SPRM dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sejak tahun 2014.

Tema “Merakyatkan Agenda Integriti Dalam Sektor Awam” telah dipilih oleh pengajur untuk dibentangkan oleh para panel jemputan. Tema ini dipilih sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Perkhidmatan Awam sebagai teras pembangunan negara dengan khidmat yang disampaikan dan seterusnya



dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan awam. Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun telah menjadi moderator untuk forum yang telah dianjurkan manakala panel jemputan untuk program ini terdiri daripada Tuan Nor Amiruddin bin Mokhtaruddin, Timbalan Pendaftar Kanan Universiti Teknologi Mara, Sarawak; Ustaz Suharman Bin Haji Edward, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak dan PKPj Zulhairi bin Zaidel Timbalan Pengarah ( Pencegahan ), SPRM.

Antara pengisian dalam program yang dianjurkan adalah Lafaz Ikrar Integriti yang diketuai oleh Penguasa Bomba Wan Abdul Mubin bin Wan Abdullah dari Bahagian Operasi, JBPM Negeri Sarawak. Lafaz Ikrar ini diadakan ialah untuk menimbulkan kesedaran dan rasa tanggungjawab yang ditanamkan kepada semua peserta untuk menjauhi amalan rasuah.



**Lafaz Ikrar ini diadakan ialah untuk menimbulkan kesedaran dan rasa tanggungjawab yang ditanamkan kepada semua peserta untuk menjauhi amalan rasuah**

Antara pegawai kanan Jabatan yang hadir dalam program ini ialah YS PKPj Edwin Galan Teruki, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Peyiasatan Kebakaran dan YS PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak selain ketua-ketua bahagian daripada pelbagai agensi.

Majlis Penutup Forum Pemerksaan Integriti Siri 2/2017 Zon Borneo telah disempurnakan oleh YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**"Jabatan Melihat Usaha Memperkasakan Integriti Ini Sebagai Salah Satu Wadah Yang Sangat Penting Ke Arah Memacu Jabatan Mencapai Visi "Untuk Menjadi Sebuah Organisasi Kebombaan Dan Penyelamat Yang Berprestasi Tinggi".**

***Yas Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor Bin Hj. Ibrahim  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia***





# FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI SIRI 3/2017

Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menganjurkan Forum Pemerkasaan Integriti Siri 3/2017 Peringkat Zon Selatan dengan kerjasama Jabatan Ketua Menteri Melaka, Institut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertempat di Dewan Seri Negeri, Melaka.

Objektif utama penganjuran program ini adalah antara lainya bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam, menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, membina modal insan yang progresif dan berdaya maju serta memperkasakan integriti jabatan.



Program ini turut disertai oleh YAB Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris Haji Haron; YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan YAS Dato' Sri Hj Wan Mohd Nor Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Forum yang bertemakan "Gerakan Pemerkasaan Integriti" ini menampilkan tiga orang ahli panel iaitu Datuk Azhar Mohamed, Penasihat Undang-undang UTeM; YBhg Sahibus Samahah Datuk Hj Abdul Halim Tawil, Mufti Kerajaan Negeri Melaka dan PKPj Mohamad Tarmize Abdul Manaf dari Bahagian Pendidikan Masyarakat, Ibu Pejabat SPRM. YBrs Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTGERITI) menjadi moderator dalam forum yang diadakan.

Selain dari sesi forum turut diadakan sesi menandatangani Tinta Integriti sebagai ikrar



**Pelajar-pelajar tahfiz perlu diajar dan dilatih dengan mengadakan latihan kebakaran serta cara menyelamatkan diri sekiranya berlaku kebakaran sebagai langkah berjaga-berjaga.**

***YAB Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris Haji Haron  
- Ketua Menteri Melaka***

penjawat awam yang hadir, pameran yang disertai oleh beberapa agensi kerajaan seperti JBPM, SPRM, Penjara, PDRM, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, dan juga bacaan ikrar oleh para peserta forum.

Majlis penutupan program ini telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, YAB Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris Haji Haron.





# FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI SIRI 4/2017 ZON TIMUR

**W**akaf Tapai, 25 Oktober 2017 - Forum Pemerkasaan Integriti Siri 4/2017 Peringkat Zon Timur yang merupakan siri terakhir bagi tahun 2017 telah berjaya dilangsungkan di Dewan Auditorium, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu.



**“...Jabatan tidak mampu mengubah sesiapa pun, yang boleh mengubah diri kita hanyalah kita sendiri. Kalau kita mempunyai jatidiri yang kukuh, tiada siapa yang boleh menggugat diri kita.”**

**YAS Dato' Hj Soiman bin Jahid  
Timbalan Ketua Pengarah, JBPM**



Program anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Institut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Moderator bagi forum kali ini ialah YBrs Tuan Haji Muhammad Hagia Sofia bin Mohd, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ahli Panel terdiri daripada YBhg Prof. Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Universiti Malaysia Terengganu), YBhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Zulkifly bin Muda, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu dan YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM.

Di dalam forum tersebut pelbagai isu telah dikupas dan diperjelaskan oleh ahli panel kepada 350 orang peserta forum yang hadir terdiri daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan juga agensi luar seperti Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.

YBhg Prof. Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali dalam ucapannyatelah membincangkan faktor-faktor yang menjejaskan integriti di kalangan Individu, Masyarakat dan Organisasi dengan terperinci. Di samping itu juga turut menjelaskan faktor penentu kejayaan dalam membudayakan integriti serta peranan dan tanggungjawab Penjawat Awam dalam memastikan Integriti dapat diamalkan di dalam melaksanakan tugas masing-masing.

YBhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Zulkifly bin Muda pula menjelaskan integriti dari sudut agama Islam. Segala perbuatan kita adalah mencerminkan nilai integriti dalam diri kita dan sebaik-baik tauladan Integriti adalah Nabi Muhammad S.A.W.

YBhg Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil turut menjelaskan peranan dan tanggungjawab SPRM dalam memerangi isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di kalangan penjawat awam. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat inisiatif kepada penjawat awam yang melaporkan kes yang berlaku kepada SPRM sehingga menyebabkan kes tersebut berjaya dibuktikan bersalah.

Majlis penutupan program ini telah disempurnakan oleh YAS Dato' Hj. Soiman bin Jahid Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Antara program yang turut diadakan adalah Ikrar Integriti dan penyampaian sijil kepada peserta yang hadir ke Forum Pemerkasaan Integriti.




# Program “Executive Talk” bertajuk **INTEGRITI DALAM MENANGANI ISU-ISU SEMASA DALAM NEGARA**



**6 November 2017 (Isnin)** - Unit Integriti telah mengadakan Program “Executive Talk” bertempat di Dewan Galleria, Ibu Pejabat jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Yang Berbahagia Dato’ Haji Mohd Yusof Bin Din, Pengarah, Institut Wasatiyyah Malaysia telah dijemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk Integriti Dalam Menangani Isu-Isu Semasa. Seramai 100 orang peserta yang hadir termasuklah Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah Bomba Negeri, Komandan Akademi, Pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM.

Antara isu serius yang dikupas oleh penceramah adalah berkenaan ekstremis-ekstremis yang menggunakan nama Islam bagi mempengaruhi orang ramai untuk menyertai gerakan mereka. Ekstremis ini telah berjaya mempengaruhi anak muda dalam pelbagai bidang profesional untuk berjuang bersama dengan matlamat untuk menubuhkan kerajaan Islam di mata mereka. Sehubungan dengan itu,



kerajaan telah memberi perhatian serius berkenaan gerakan dan ajaran sesat ini untuk mengelakkannya daripada menular dan hingga boleh mencetuskan ancaman kepada negara. Selain itu, pemantauan berterusan terhadap penggunaan media sosial sentiasa dilaksanakan oleh kerajaan kerana ia merupakan medium paling mudah untuk mempengaruhi orang ramai dalam menyertai gerakan-gerakan seperti ini. Di akhir ucapannya Yang Berbahagia Dato’ Haji Mohd Yusof Bin Din telah mengingatkan kepada semua peserta agar sentiasa berhati-hati agar tidak terjerumus dalam gerakan-gerakan yang boleh merosakkan keamanan dan kesejahteraan negara.

Justeru itu, adalah diharapkan dengan input-input yang disampaikan dapat dijadikan iktibar dan tauladan serta pegangan supaya tidak terjerumus dalam gejala negatif yang boleh mencemarkan imej Perkhidmatan Awam.





# MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI (KSI) BIL. 2 TAHUN 2017

**Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Bil. 2 Tahun 2017** telah diadakan pada 2 Oktober 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman selaku Ketua Unit Integriti dan dihadiri oleh seramai 29 orang pegawai Kor Siasatan Integriti.



Pelbagai perkara telah dibincangkan merangkumi peranan dan tanggungjawab KSI, laporan-laporan siasatan serta peraturan-peraturan/surat edaran Jabatan yang berkuatkuasa.

Setiap Ketua Seksyen di dalam Unit Integriti telah membuat pembentangan mengenai statistik tatatertib, perintah tetap Jabatan serta laporan pengurusan aduan.



# Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib (NPITT)



**N**aziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib (NPITT) ini diadakan bertujuan untuk melihat pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tatatertib yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta peraturan-peraturan dalaman Jabatan yang sedang berkuatkuasa.



Pasukan Naziran turut mengambil peluang meninjau pelaksanaan arahan penggunaan KPW (Kad Perakam Waktu) dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 11 tahun 1981, yang telah dipanjangkan ke balai-balai bertarih 3 Januari 2014 melalui arahan YAS Ketua Pengarah serta melihat pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) dengan merujuk arahan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016 berkuatkuasa 29 Januari 2016.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menasihati dan merundingkan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap JBPM Negeri yang telah dipilih. Laporan ini juga telah dipanjangkan untuk makluman YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Naziran ini diketuai oleh PPjB Norizan Bin Hj. Sulaiman Ketua Unit Integriti dan Encik Mohd Faruqi bin Badron selaku Ketua Seksyen Pengesanan, Pengesanan dan Tatatertib dan dibantu oleh Puan Shahrinas binti Abd Malek, Cik Noor Ermalina binti Zubir dan Encik Patrick Jelai Jali.



# BENGGKEL TATACARA RISIKAN DAN SIASATAN



Bagi memantapkan lagi pengetahuan Kor Siasatan Integriti (KSI) di dalam penyediaan kertas siasatan, Unit Integriti telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Tatacara Risikan dan Siasatan khusus bagi KSI, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bengkel yang dilaksanakan pada 2 - 3 Oktober 2017 bertempat di Dewan Galeria, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Disamping bengkel ini berperanan sebagai percambahan minda, ahli KSI telah didedahkan oleh tenaga pengajar dengan peraturan dan prosedur berhubung pengurusan kertas siasatan dan tatacara risikan yang perlu difahami dengan sebaik-baiknya oleh pegawai penyiasat. Bengkel ini juga telah dapat membantu pegawai penyiasat dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan pelanggaran tatatertib dan integriti.

Tenaga pengajar bagi bengkel ini telah dijemput khas dari Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Tuan Haji Mohamad Fadzil bin Omar Baki, PgKB I Ismail bin Yasin dan PgKB II Aswadi bin Hj. Ismail serta syabas kepada semua peserta yang telah memberikan komitmen di dalam bengkel ini.



# ANALISA TATATERTIB


## STATISTIK KES TATATERTIB DAN SURCAJ 2007 – 2017 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BIL	PERINGKAT	TAHUN										
		2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
1	IBU PEJABAT JBPM	39	26	50	43	26	171	59	70	70	58	42
2	JBPM NEGERI	19	32	53	41	22	52	29	67	45	50	61
	JUMLAH	58	58	103	84	48	223	88	137	115	108	103

**BUANG KERJA !!!!!!!**  
 2013 (41 ORANG) 2014 (33 ORANG) 2015 (32 ORANG) 2016 (44 ORANG)  
**2017 (21 ORANG)**



### TAHUN 2007 - 2017





## F&Q - Ketidakhadiran Bertugas

*Apakah tindakan tatatertib kerana tidak hadir bertugas boleh diambil ke atas seseorang pegawai yang telah ditangkap/ditahan oleh pihak polis atau SPRM kerana disyaki melakukan jenayah ?*

Tangkapan seumpama ini dianggap sebagai tangkapan kerana membantu siasatan. Ketidakhadiran bertugas bagi tempoh pegawai ditahan itu adalah disifatkan sebagai dengan sebab yang munasabah. Walau bagaimanapun sekiranya pegawai masih tidak hadir selepas dibebaskan sama ada dengan ikat jamin dan sebagainya, maka tindakan tatatertib boleh dikenakan bagi ketidakhadiran selepas dia dibebaskan itu.

*Bagaimana menguruskan masalah pegawai yang melakukan kesalahan tidak hadir bertugas secara tenggelam timbul: kadang-kadang hadir, kadang-kadang tidak ?*

Jika ketidakhadiran itu merupakan kesalahan tatatertib, tindakan hendaklah dimulakan sebaik-baik sahaja pegawai melakukan kesalahan tersebut tanpa menunggu sehingga jumlah hari yang mereka tidak hadir itu mencapai jumlah tertentu. Di peringkat awal kesalahan itu dilakukan dan jumlahnya masih sedikit, pegawai sebaik-baiknya diberi nasihat dan bimbingan. Tindakan tatatertib adalah langkah terakhir, iaitu jika tindakan awal tidak berkesan.

*Berapakah tempoh yang boleh dianggap THB ?*

Tiada disebut tempoh di dalam peraturan. Mengikut Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, menjelaskan tidak hadir termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa dan tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

*Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pegawai kembali bertugas dalam tempoh penyiaran notis ?*

Peraturan 26(5) menjelaskan jika pegawai melaporkan diri untuk bertugas dalam masa 7

hari dari tarikh penyiaran notis, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan supaya prosiding tindakan tatatertib biasa dikenakan terhadap pegawai.

*Apakah kesan kepada kakitangan yang tidak hadir bertugas dipanggil semula untuk bertugas dan kemudian dikenakan tindakan tatatertib ?*

Jika ini berlaku seolah-olah pemaafan (*condonation*) telah diberikan kepada kakitangan terbabit kerana tindakan tatatertib hanya diambil setelah suatu tempoh masa yang panjang.

Integriti seseorang Ketua Jabatan dan agensi sudah pasti akan dipertikai dan diperlekehkan oleh pegawai bawahannya jika Ketua Jabatan tidak bersungguh-sungguh dalam mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

*Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'Tidak hadir bertugas secara berterusan' ?*

la bermaksud apabila seseorang pegawai tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya. Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas mulai 1.1.2000 hingga 31.12.2000, maka tarikh-tarikh beliau tidakhadirtidakperludinyatakansecaraspesifik.

*Pegawai hanya datang pagi dan petang untuk mengetip kad perakam waktunya. Beliau sebenarnya tidak bertugas. Bolehkah pegawai dikenakan tuduhan 'tidak hadir bertugas' ?*

Tuduhan yang sesuai dikenakan kepada pegawai ialah TIDAK HADIR BERTUGAS. Jika tuduhan ini boleh dibuktikan melalui saksi dan bukti berdokumen yang lain (jika ada) yang dapat memperlihatkan tempoh masa beliau tidak bertugas, kesalahan ini sama seriusnya dengan kesalahan tidak hadir bertugas.

# TAHUKAH ANDA



## PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)



**P**elan Integriti Nasional adalah satu pelan atau rancangan yang dirancang serta dilancarkan oleh kerajaan Malaysia dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia.

Budaya etika dan integriti ini adalah amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan pelaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika.

Pelan ini membolehkan Kerajaan merancang pelbagai program secara

*Sumber: Institut Integriti Malaysia*

teratur dalam usaha membudayakan etika dan integriti masyarakat. Sebelum ini telah terdapat pelbagai usaha yang dilakukan, tetapi didapati usaha-usaha ini tidak tekal dan tidak menyeluruh dan hasilnya sebilangan besar usaha-usaha ini menemui kegagalan terutamanya dalam usaha mewujudkan sinergi semua sektor. Ini mungkin disebabkan terdapat halangan-halangan seperti sikap individu, kepimpinan sesebuah organisasi, sistem penyampaian atau karenah birokrasi, serta disiplin dan budaya masyarakat itu sendiri dalam melaksanakan satu-satu program.

Skop dan konsep yang dibawa oleh PIN kelihatannya lebih menyeluruh dan holistik dalam memberi panduan kepada setiap komponen masyarakat untuk membudayakan integriti.

Pelan Integriti Nasional ini telah dilancarkan pada 23 April 2004, oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.





"CEPAT DAN MESRA"



Unit Integriti,  
Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,  
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya  
Telefon : 03 – 8892 7600  
Faks : 03 – 8888 0829  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-Mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

ISSN 0128-2727

